

## **PROSIDING**

# *Seminar* **POLITIK MALAYSIA**

### **Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **PILIHAN RAYA UMUM KE-12**

## **DI KUALA BERANG: SUATU KAJIAN**

### **KES POLITIK LUAR BANDAR**

*Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghafar*

*Che Hamdan Che Mohd Razali*

*Ahmad Faiz Yaacob*

#### **ABSTRAK**

*Pilihanraya Umum (PRU) ke 2008 menyaksikan Barisan Nasional (BN) terus mengukuhkan kedudukannya di DUN N21 Kuala Berang, Terengganu. Jika dibandingkan dengan keputusan PRU 2004, undi majoriti BN telah meningkat sebanyak satu peratus. Kuala Berang juga terus mencatatkan peratusan keluar mengundi yang tinggi menyaksikan perebutan undi antara BN dan PAS merupakan satu pertembungan bagi menawan hati pengundi Melayu bagi dua parti Melayu terbesar di negara kita ini. PAS yang pernah menguasai Kuala Berang pada PRU 1999 didapati terus gagal untuk memenangi hati pengundi Kuala Berang. Kajian ini cuba untuk membuat analisa berkaitan dengan pengundi, kempen dan isu yang dimainkan dalam pilihan raya ke-12 di DUN Kuala Berang. Selain itu, kertas kerja ini cuba menilai keputusan pilihan raya tersebut dari sudut isu-isu setempat dan melihat apa yang berlaku di DUN tersebut dengan membandingkan dengan isu-isu peringkat nasional secara umum.*

#### **PENGENALAN POLITIK TERENGGANU**

Negeri Terengganu, yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, mempunyai lapan kawasan Parlimen dan 32 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Majoritinya penduduknya adalah Melayu Islam. 51.3% daripada penduduknya mendiami kawasan pedalaman dan selebihnya merupakan penduduk bandar. Kuala Terengganu merupakan ibu negeri dan juga tempat bersemayam Sultan Terengganu. Bidang pertanian, perikanan dan perhutanan adalah sumber ekonomi utama negeri, selain daripada hasil petroleum.<sup>1</sup> Negeri yang turut dikenali sebagai Kuwait Malaysia ini merupakan negeri kedua yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi di Malaysia.<sup>2</sup>

Dari segi politik, Terengganu pernah diperintah oleh dua parti politik utama negara; Barisan Nasional (BN) dan Parti Islam Semalaysia (PAS).<sup>3</sup> Terengganu berada di bawah pemerintahan PAS pada tahun 1959 dan 1999. PAS pernah menyertai BN (dulu dikenali sebagai Perikatan) pada tahun 1974 akibat dari Tragedi 13 Mei 1969, namun pada tahun 1977, PAS keluar dari BN kerana percanggahan pendapat. Bermula pada saat itu, Terengganu berada di bawah pemerintahan BN, diketuai oleh Menteri Besar Wan Mokhtar Wan Ahmad. Tetapi pada tahun 1999, PAS berjaya merampas Terengganu dengan memenangi 28 daripada 32 kerusi DUN. Presiden PAS, Abdul Hadi Awang telah dipilih sebagai Menteri Besar bercita-cita untuk menegakkan Islam berdasarkan perjuangan PAS di Terengganu, tetapi konsep federalisme yang diamalkan di negara ini tidak

menyebelahi PAS dalam proses pemerintahan kerajaan negeri. BN, berbekalkan slogan “Gelombang Biru”, kembali memerintah Terengganu pada pilihanraya 2004, dan terus diberi mandat pada pilihanraya umum ke-12 pada Mac 2008 baru-baru ini.

Ketika mana para pengkaji dan masyarakat politik membicarakan perihal tsunami politik yang berlaku pada pilihan raya yang lalu, apa yang berlaku di Terengganu sangat menarik untuk dikaji. Tsunami politik yang merujuk kepada kejayaan pembangkang menafikan mandat dua pertiga Barisan Nasional dan menguasai lima negeri di semenanjung Malaysia seakan tidak memberi kesan kepada Terengganu. Oleh itu kajian ini cuba menyingskap senario politik pilihan raya yang berlaku di Terengganu dengan memngambil DUN Kuala Berang (N21) sebagai kajian kes.

## POLITIK KUALA BERANG

N21 Kuala Berang merupakan salah satu daripada empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen P38 Hulu Terengganu. Hulu Terengganu merupakan daerah terbesar di Terengganu, dan bidang pertanian dan perikanan air tawar merupakan asas ekonominya. Daerah pedalaman ini mempunyai kawasan penempatan FELDA yang terbesar di Terengganu. Dengan kadar kemiskinan sebanyak 11.5%, penduduk Kuala Berang amat berharap projek Lebuhraya Pantai Timur yang sedang dalam pembinaan dapat mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan. Kuala Berang merupakan pusat pentadbiran bagi daerah Hulu Terengganu.

Politik Kuala Berang adalah dipengaruhi oleh politik peringkat negeri. Kuala Berang diwakili oleh wakil PAS pada tahun 1959 dan 1999, yang mana PAS turut memerintah Terengganu pada penggal-penggal tersebut. Pada tahun 1974, BN dan PAS bersekutu, dan kerusi Kuala Berang diberikan kepada PAS dan PAS menang di situ. Sembilan siri pilihanraya yang lain dimenangi oleh BN, sekaligus menjadikan Kuala Berang sebagai BN *stronghold*. Mengikut tatabahasa budaya politik, pengundi Kuala Berang, walaupun dikategorikan sebagai pengundi luar bandar, adalah “*political participant*” kerana sentiasa mencatatkan peratusan keluar mengundi yang tinggi.<sup>4</sup> Mereka melihat penglibatan mereka dalam pilihanraya sebagai suatu tanggungjawab mereka terhadap negara. Politik Kuala Berang, yang pernah menyaksikan insiden solat Jumaat diimani oleh dua imam; satu dari BN dan seorang lagi dari PAS, amat signifikan untuk dikaji kerana jumlah penyokong kedua-dua parti yang agak seimbang. Selain itu, sifat politik mereka yang taksub dengan parti masing-masing perlu diberi perhatian kerana ia sangat mempengaruhi budaya politik setempat.

## KARAKTER PENGUNDI KUALA BERANG

Pengundi Kuala Berang, sebagaimana di kawasan lain, boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama adalah penyokong kuat sesebuah parti politik. Identifikasi parti mereka menjadikan mereka setia terhadap parti politik tersebut, dan menukar parti adalah sesuatu yang amat mustahil bagi mereka. Walaupun banyak isu kontroversi melanda, pendirian dan kesetiaan penyokong-penyokong kuat BN dan PAS ini tidak akan berubah. Kebanyakan dari mereka memegang jawatan tertentu di dalam parti dan mereka sentiasa bekerja keras untuk memastikan kemenangan parti mereka di dalam pilihanraya. Di dalam borang culaan, pengundi-pengundi ini akan ditanda D (Dacing) untuk BN, dan B (Bulan) untuk PAS.

Kumpulan kedua adalah *undecided voters*. Pengundi dalam kumpulan ini sentiasa peka dengan perkembangan politik semasa dan undi mereka adalah berdasarkan penilaian mereka terhadap isu dan prestasi sesebuah parti politik. Mereka tidak mempunyai identifikasi parti yang ketara, dan parti yang diundi adalah sentiasa berubah-ubah, tertakluk kepada isu dan prestasi. Sukar bagi pencula undi untuk mengkategorikan mereka ekoran dari kecenderungan parti yang amat kabur. Kumpulan pengundi ketiga adalah pengundi yang tidak mempunyai parti identifikasi tetapi mempunyai kecenderungan untuk menyokong sesebuah parti politik.

Golongan ini memainkan peranan yang penting dalam menentukan kemenangan sesebuah parti politik, lantas mereka sentiasa menjadi buruan perayu-perayu undi. Mereka akan dilimpahi dengan pelbagai hadiah pilihanraya dari parti-parti politik yang bertanding, terutamanya yang mempunyai sumber kewangan yang besar, seperti kain pelikat, simen, baja, rumah kos rendah dan duit. Golongan ini akan ditanda A (Atas Pagar). Golongan wanita biasanya menyokong parti yang disokong oleh suami mereka, dan anak-anak dipengaruhi oleh ibu bapa mereka.

Pada setiap hari Jumaat, penyokong PAS menghadiri kuliah Jumaat di Rusila, kubu kuat PAS di Terengganu. Kuliah agama tersebut disampaikan oleh Presiden PAS sendiri. PAS juga amat aktif dalam kegiatan keagamaan di Kuala Berang. Setiap petang Jumaat, akan diadakan majlis bacaan Yaasin dan ianya diadakan di rumah penyokong PAS secara rotasi. Peluang ini diambil oleh naqibah PAS untuk menyebarluaskan lagi perjuangan PAS.<sup>5</sup> Hanya penyokong PAS yang mempunyai parti identifikasi sahaja menyertai majlis sebegini kerana kebanyakan penduduk takut untuk menyertai program PAS kerana bimbang bantuan wang ehsan<sup>6</sup> dan bantuan-bantuan lain ditarik balik jika mereka didapati menyertai program PAS.

Penyokong PAS tidak berjemaah di belakang imam BN. Solat Jumaat dilakukan di Masjid Rusila, atau di masjid yang diselia oleh penyokong PAS sendiri. PAS menguasai dua masjid dan 26 surau di DUN Kuala Berang, manakala BN mempunyai 23 masjid dan empat surau, yang mendapat bantuan bulanan dari kerajaan negeri. Penyokong BN menghantar anak-anak mereka ke TABIKA KEMAS, sebuah agensi di bawah kerajan Pusat, manakala penyokong PAS menghantar anak-anak mereka ke PASTI. Untuk rekod, di Kuala Berang BN mempunyai lapan buah TABIKA KEMAS manakala PAS mempunyai empat buah PASTI. Politik kepartian yang ketara ini telah membawa kepada perpecahan dan pengasingan di kalangan masyarakat.

## KEPUTUSAN PILIHAN RAYA

Kuala Berang yang amat terkenal dengan Tasik Kenyir dan Air Terjun Sekayu, mempunyai sepuluh Unit Peti Undi (UPU) atau *polling districts*. UPU Bukit Tok Bat merupakan UPU terbesar manakala UPU Tanggol mempunyai jumlah pengundi yang paling sedikit. UPU Bandar Kuala Berang, Bukit Tok Bat dan Kuala Berang Utara merupakan kubu kuat BN kerana BN mencatat undi majoriti yang tinggi ditiga UPU tersebut, manakala PAS berkubu di UPU Getang, Pasir Tinggi dan Tanggol. BN menang diempat UPU yang lain namun persaingan antara BN dan PAS di empat UPU tersebut adalah seimbang.

Jumlah keseluruhan pengundi berdaftar 2008 adalah 13,040, yang terdiri dari 98.59% pengundi Melayu, 1.11% Cina dan 0.27% lain-lain. Untuk tujuan perbandingan, Jadual 1 menunjukkan peratus penambahan pengundi di DUN Kuala Berang.

**Jadual 1: Jumlah Pengundi Mengikut Tahun Pilihan Raya  
dan Peratus Penambahan**

<b>Tahun PRU</b>	<b>Jumlah Pengundi</b>	<b>Penambahan</b>	<b>%</b>
1990	8,998	—	—
1995	9,421	423	4.7
1999	9,831	410	4.35
2004	11,437	1,606	16.33
2008	13,040	1,603	12.29

Pertambahan bilangan pengundi pada tahun 1990 hingga 1999 adalah selari dengan kadar pertumbuhan penduduk Terengganu, namun pertambahan jumlah pengundi secara mendadak pada tahun 2004 telah menimbulkan banyak tanda tanya di kalangan pemerhati politik dan ramai melihat ini sebagai *electoral malpractice*.<sup>7</sup>

Pilihanraya Umum 2008 di N21 Kuala Berang, seperti biasa, telah ditandingi oleh dua parti lawan tradisi; BN dan PAS. BN diwakili oleh penyandang DUN tersebut, Zawawi Ismail dan Muhyidin Abdul Rashid, bekas Ahli Parliment Hulu Terengganu penggal 1999-2004 mewakili PAS. Kedua-dua calon anak tempatan ini mempunyai kekuatan tersendiri dan mempunyai latar belakang baik. Zawawi Ismail, selain daripada penyandang jawatan wakil rakyat Kuala Berang, merupakan bekas Penolong Pegawai Daerah Hulu Terengganu (ADO), manakala Muhyidin Abd Rasyid, selain daripada bekas Ahli Parliment Hulu Terengganu, merupakan ahli perniagaan agro terkenal di Kuala Berang dan berasal dari keluarga yang disegani di Kuala Berang (ayah beliau merupakan bekas wakil rakyat PAS Kuala Berang).

Zawawi Ismail, dari BN menerima 6,444 undi dan Muhyidin Abdul Rshid (PAS) mendapat 4,852 undi. BN menang dengan majoriti 1,592. Terdapat 156 undi rosak dan peratusan keluar mengundi adalah 87.82%, menurun sebanyak 2% berbanding pilihanraya 2004. BN berjaya menambah 518 (8.38%) undi baru manakala PAS berjaya meraih 621 (12.8%) undi baru. Untuk rekod, pada pilihanraya 2004, BN menang dengan mendapat undi sebanyak 5,926 dan PAS memperoleh 4,231 undi. Majoriti undi adalah 1,659. Ini bermakna, majoriti diperoleh BN menurun sebanyak 2.18%. PAS, walaupun tewas di Kuala Berang, telah menunjukkan prestasi yang baik, selari dengan keputusan pilihanraya PAS di peringkat negeri Terengganu.<sup>8</sup>

## KEMPEN

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan 24 Februari 2008 sebagai hari penamaan calon dan 8 Mac 2008 sebagai hari mengundi. Tempoh kempen yang agak lama iaitu selama 13 hari memberi kelebihan kepada kedua-dua parti untuk menyampaikan manifesto pilihanraya mereka kepada publik. Ekoran dari banyak isu-isu panas yang berlaku di peringkat nasional dan negeri, PAS dilihat mendapat kelebihan. PAS telah bersungguh-sungguh memanipulasikan setiap isu; harga minyak, kenaikan harga barang, video klip Lingam, perhimpunan aman BERSIH, kredibiliti Perdana Menteri, penculikan Nurin Jazlin dan kehilangan Sharlinie Mohd. Nasar, projek-projek mega di Terengganu yang dianggap membazir seperti Taman Tamadun Islam, Masjid Kristal, Bazaar Warisan dan perlumbaan kapal

layar Monsoon Cup. Di pihak BN pula, kempen pilihanraya mereka berkisar kejayaan kerajaan BN di bawah pimpinan Dato' Seri Idris Jusoh menukar wajah Terengganu, daripada sebuah negeri mundur kepada Bandaraya Pesisir Pantai.

Namun begitu, isu-isu besar di peringkat nasional tidak mempunyai kesan di Kuala Berang. Pengundi Kuala Berang seakan tidak mengambil kisah dengan isu-isu tersebut, kerana isu-isu tersebut tidak berkait dengan kehidupan mereka sehari-hari. Oleh kerana itu, isu-isu seperti video klip V.K Lingam, perhimpunan HINDRAF, ketidakadilan terhadap tahanan ISA, rasuah dan penyalahgunaan kuasa kurang diperkatakan dalam ceramah-ceramah politik PAS. Ini adalah kerana pengundi Kuala Berang adalah pengundi luar bandar, yang hidup mereka masih dicengkam masalah kemiskinan, maka isu-isu “*bread and butter*” lebih menjadi perhatian.

PAS telah memberi tumpuan terhadap isu kenaikan harga minyak dan barang-barang keperluan sehari-hari. Isu inilah yang cukup dekat di hati pengundi. Kebanyakan *banner* yang digantung di kebanyakan jalan-jalan utama mengutarkan isu ini. Antara *banner* yang menarik perhatian adalah “Petronas Untung Berbilion Ringgit, Rakyat Dapat Apa?”, “BN=Barang Naik” dan “Undi BN, Rakyat Susah”. PAS juga memainkan isu-isu yang berlaku di peringkat negeri seperti projek-projek mega, kenaikan kos hidup, masalah sosial, kadar kemiskinan yang semakin meningkat. PAS juga membandingkan cara pemerintahan mereka dengan cara pemerintahan BN. Di pihak BN pula, kegagalan PAS memerintah Terengganu pada penggal 1999-2004 diperkatakan. Mereka juga menyenaraikan panjangkan segala pencapaian BN sepanjang satu penggal memerintah Terengganu. Terdapat banyak *billboards* antaranya “62 Masjid di Bina Dalam Masa 2 Tahun”, “Terengganu: Tidak Pernah Sebelum Ini” dan “PAS: Parti Ajaran Syaitan”. Berbeza dengan PAS, BN tidak menyentuh langsung isu-isu nasional.

Kempen telah dijalankan dalam empat bentuk. Ceramah merupakan cara yang paling popular dan mendapat sambutan. BN, kerana berstatus pemerintah, banyak melancarkan projek baru di musim pilihanraya, sekaligus menjadikan majlis pelancaran sebagai ceramah politik. Sebagai contoh, perasmian projek ternakan ikan air tawar di Tasik Kenyir telah dimanipulasikan dengan sepenuhnya oleh BN untuk memancing undi. Majlis penyerahan bantuan bulanan yang diadakan di dewan-dewan tertutup juga menjadi medan BN menyampaikan manifesto mereka. Ceramah PAS pula memfokuskan kepada kumpulan kecil. Ditanya kenapa tiada ceramah secara besar-besaran seperti mana biasa dilakukan, petugas PAS memberi alasan kehadiran *crowd* yang ramai tidaklah begitu penting kerana yang datang adalah sememangnya terdiri dari penyokong PAS, tetapi mereka mahu mesej yang dibawa oleh penceramah sampai kepada pengundi yang mendiami kawasan sekitar tempat ceramah.

Sepertimana yang disebut di atas tadi, *banners* dan *posters* juga menjadi medium untuk parti-parti politik bertanding menyampaikan mesej mereka. Antara poster yang menarik perhatian adalah gambar Presiden PAS, Abdul Hadi Awang berpeluk dengan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang. Signifikasi gambar tersebut adalah PAS yang dikatakan memperjuangkan Islam telah berbaik-baik dengan bukan Islam. Poster lain yang banyak dipasang di Kuala Berang adalah gambar abang kepada Pesuruhjaya PAS Terengganu, Zakaria Ali bersalam dengan Pengerusi BN negeri, Dato' Seri Idris Jusoh, sebagai tanda menyertai UMNO. PAS pula banyak memanipulasikan gambar Perdana Menteri yang sedang menguap dan tidur dalam beberapa mesyuarat penting dan gambar-gambar beliau dengan beberapa wanita. PAS cuba menunjukkan bahawa Perdana Menteri yang berimej Islam tidak sepatutnya bergambar sedemikian dengan wanita.

Kempen rumah ke rumah juga dijalankan dengan rancak. Biasanya kempen ini dilakukan oleh kaum wanita kerana kemahiran mereka merayu undi. Kempen rumah ke rumah oleh BN dinamakan Kepala 10, iaitu setiap kumpulan perayu undi dikehendaki berkempen ke sepuluh rumah yang dikenalpasti sahaja. Kempen mereka bertumpu kepada isi rumah tersebut dan mereka hendaklah memastikan kesemua pengundi di rumah tersebut mengundi BN. Mereka akan memastikan sokongan dari rumah-rumah tersebut tidak bergoyang atau beralih kepada pihak lawan. Sukar bagi parti lawan untuk berkempen di rumah-rumah tersebut kerana pengawasan yang ketat. PAS juga aktif dalam kempen rumah ke rumah, dan rumah yang dituju adalah rumah yang ditanda A (Atas Pagar) di dalam borang culaan. Petugas parti berkata mereka tidak berkempen di rumah penyokong BN kerana perbuatan tersebut hanyalah membuang masa. Kadang-kadang kempen rumah ke rumah amat merbahaya terutama sekali jika kempen dijalankan di kubu kuat sesebuah parti politik. Pengalaman dihalau dan dimaki-hamun adalah lumrah. Mereka hendaklah diawasi oleh petugas lelaki, kerana bimbang berlaku perkara yang tidak diingini.

Internet tidak begitu popular di Kuala Berang kerana kebanyakannya rumah tidak mempunyai komputer tetapi kuasa Internet dapat dirasai di Kuala Berang. Sebagai contoh, selepas mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohammad membuat pengakuan bahawa beliau tersalah memecat bekas timbalannya, Dato' Seri Anwar Ibrahim, terus pada malamnya, markaz-markaz pilihanraya PAS menayangkan klip tersebut kepada publik dengan menggunakan projector. Calon BN mempunyai laman web sendiri, dan antara isi kandungan web tersebut adalah aktiviti-aktiviti beliau disepanjang kempen, gambar-gambar dan visi beliau untuk pendukuk Kuala Berang. Calon PAS tidak mempunyai laman web, namun kempen beliau dibantu oleh laman web Dewan Pemuda PAS negeri Terengganu, sebuah laman web yang aktif sebelum pilihanraya lagi. Sepertimana laman web calon BN, laman web calon PAS juga memuatkan kandungan yang hampir sama.

## KESIMPULAN

Suasana pilihanraya di Kuala Berang berlangsung dengan rancak sepertimana di tempat lain. Walaupun dikategorikan sebagai pengundi luar bandar dan tidak banyak terdedah dengan isu politik nasional, tahap kesedaran berpolitik mereka begitu tinggi apabila mereka mencatatkan peratusan keluar mengundi yang amat tinggi. Keputusan pilihanraya Kuala Berang adalah selari dengan keputusan di perigkat negeri. Secara keseluruhannya, prestasi BN di Kuala Berang agak mengecewakan walaupun semua 3M; money, machinery dan media telah digunakan secara total. Wang ehsan telah digunakan untuk membeli pengundi, begitu juga dengan bantuan-bantuan lain. Agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Penerangan telah berfungsi sebagai agen parti pemerintah, namun jumlah undi yang diterima tidak sepadan dengan apa yang telah dicurahkan.

PAS pula mendapat banyak kelebihan dari segi isu dan *mood* pengundi. Walaupun banyak isu telah dimainkan oleh PAS, PAS masih belum mampu merampas semula Kuala Berang, dan hanya mampu menambah undi. Persoalannya, adakah isu yang banyak masih belum mampu mengubah lanskap politik Kuala Berang?

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat dibahaskan. Antaranya pengalaman berada di bawah pemerintahan PAS masih menghantui pengundi Kuala Berang. Pengundi telah dihukum oleh kerajaan

pusat kerana meilih PAS pada tahun 1999 sehingga banyak keistimewaan yang sepatutnya dinikmati oleh pengundi Kuala Berang ditarik balik. Pengalaman jiran mereka di Kelantan, yang diberi layanan tidak adil oleh kerajaan Pusat, membuatkan mereka berfikir dua kali untuk mengundi pembangkang. Selain daripada itu, kebanyakan pengundi hidup dalam kemiskinan dan tahap kebergantungan mereka terhadap parti pemerintah amat tinggi.

Tidak seperti penduduk bandar yang tidak bergantung kepada bantuan kerajaan menjadikan mereka yakin untuk menukar kerajaan saban pilihanraya. Pengundi luar bandar mengharapkan bantuan bulanan dari jabatan kebajikan, rumah percuma, skim makanan tambahan percuma untuk anak-anak mereka dan lain-lain bantuan lagi. Kemungkinan untuk tidak tersenarai sebagai penerima jika didapati tidak menyokong parti pemerintah adalah amat besar. Bagi penjawat awam pula, pengalaman rakan-rakan yang dihantar bertugas ke kawasan pedalaman kerana menyokong pembangkang memberi iktibar kepada mereka.

Namun, penjelasan yang paling konkret untuk menjawab persoalan di atas adalah, walaupun terdapat banyak isu berlaku di peringkat nasional dan negeri sehingga mampu mengubah lanskap politik Malaysia, isu-isu tersebut tidak mempengaruhi kehidupan sehari-hari pengundi di Kuala Berang. Sebagai contoh, isu video klip V.K. Lingam dan pembunuhan model dari Mongolia adalah tidak ada kena-mengena dengan kehidupan mereka. Selagi mana isu-isu tersebut tidak mengganggu-gugat ketenteraman hidup mereka, maka isu-isu besar tersebut adalah tidak signifikan. Mungkin isu kenaikan harga minyak dan harga barang memberi kesan terhadap ekonomi mereka, namun kesannya tidak terlalu terasa di kawasan Kuala Berang kerana pertanian dan perikanan adalah asas ekonomi mereka. Barang-barang keperluan sehari-hari kebanyakannya tidak perlu dibeli kerana kebanyakannya ditanam di sekeliling rumah dan jumlah pengundi yang memiliki kenderaan adalah kecil.

BN, untuk terus kekal berkuasa di DUN Kuala Berang hendaklah berusaha mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk. Penduduk luar bandar tidak meminta banyak dari wakil rakyat mereka. Selagi mana BN, dibantu oleh politik 3M, berjaya memenuhi aspirasi pengundi Terengganu yang mahukan pembangunan, sukar untuk PAS berkuasa semula di Kuala Berang. PAS, untuk memenangi hati pengundi Terengganu pada pilihanraya yang akan datang, hendaklah peka dengan isu-isu yang dekat dengan kehidupan pengundi Kuala Berang. Kekuatan PAS dalam program-program agama hendaklah diperkasakan lagi kerana, sebagai daerah yang paling awal menerima Islam di Terengganu (Batu Bersurat Terengganu dijumpai di Kampung Buloh, Kuala Berang), isu agama amatlah dekat dengan penduduk Kuala Berang, tanpa melupakan misi untuk menghapus kemiskinan dan merapatkan jurang di kalangan pengundi.

## **NOTA AKHIR**

<sup>1</sup> Mulai tahun 1987, kerajaan Terengganu menerima royalti petroleum sebanyak 5 peratus. Bayaran pertama pada 1987 adalah RM13.2 juta dan meningkat kepada RM498.7 juta pada 1999. Ianya terus meningkat dari setahun ke setahun. Setelah PAS memerintah Terengganu pada 1999, kerajaan pusat telah manfaikan bayaran tersebut, dan menukarannya kepada wang ehsan yang diuruskan oleh BN.

<sup>2</sup> Setakat Mac 2006, terdapat 10,884 isi rumah miskin dan miskin tegar.

<sup>3</sup> Barisan Nasional terdiri daripada 13 parti komponen. UMNO merupakan komponen parti terbesar di dalam BN, mewakili kaum Melayu. Setakat ini, kelima-lima Perdana Menteri merupakan Presiden UMNO. Parti Islam SeMalaysia (PAS) adalah parti politik Melayu yang melandaskan perjuangannya kepada agama Islam, dan terikat dengan matlamatnya untuk menegakkan Negara Islam.

- <sup>4</sup> Pada PRU 1974, peratusan keluar mengundi di Kuala Berang adalah 82.54 peratus, 1982 (84.19%), 1990 (86.64%), 1995 (83.03%), 1999 (85.37%), 2004 (89.85%) dan 2008 (87.82%).
- <sup>5</sup> Program yang sama turut diadakan oleh Muslimat PAS di negeri-negeri lain (Rashila Ramli 2003).
- <sup>6</sup> Tatabahasa wang ehsan muncul semasa PAS memerintah Terengganu pada tahun 1999. Wang ini adalah wang royalti minyak yang diberikan oleh Petronas kepada kerajaan Terengganu. Royalti tersebut telah ditarik balik oleh kerajaan Pusat, lantaran menukarannya kepada wang ehsan. Wang ehsan, diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Pusat, sebuah agensi di bawah kerajaan Pusat, dikatakan untuk dibahagi-bahagikan kepada rakyat miskin Terengganu. Jumlah yang diberi, mengikut pengamatan penulis adalah RM300 namun kekerapan pemberian adalah berubah-ubah.
- <sup>7</sup> Kuala Berang telah diwakili oleh wakil PAS pada penggal 1999-2004. BN kembali merampas Kuala Berang pada pilihanraya 2004. Kadar pertambahan pengundi yang meningkat secara mendadak berlaku di seluruh negeri Terengganu.
- <sup>8</sup> Walaupun PAS tewas di Terengganu, PAS berjaya menunjukkan prestasi cemerlang dengan menambah empat lagi kerusi DUN dan satu kerusi Parlimen, sekaligus berjaya mengurangkan undi majoriti BN.

## RUJUKAN

- Abdullah Ngah. Idris, Belum Yakin BN Kekal Memerintah Terengganu. *Siasah*. (2-6 Mac 2008) (ms 33)
- Ahmad Lutfi, Momentum 1999 Berputik Kembali. *Harakah*. (1-15 Oktober 2007)
- Ajitpal Singh Dan Lee Shi-Lan, Musa: 61 ‘Hot’ Areas In Terengganu. *NST*. (5 Mac 2008) (m.s 6)
- Azizi Othman, Zulkofli Jamaludin dan Hanneeyah Bariah Baharin, Terengganu Jadi Kubu Kukuh BN. *Rencana*. Berita Harian. (17 Februari 2008) (m.s 12)
- Azman Anuar. Orang Umno, Orang Pas. *Utusan Malaysia*. (23 Februari 2008) (m.s 11)
- Mohd. Fuad Mat Jali dan Sabihah Osman, (2002). Politik Wilayah dan Politik Nasional dalam Pilihan raya umum 1999 dlm. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum* disunting oleh Mohd. Yusof Kasim dan Azlan Ahmad Penerbit UKM
- Mohd Fuad Mat Jali, (2005). Pembangunan dan Pilihan Politik dlm *Politik dan Keselamatan* disunting oleh Sity Daud dan Zarina Othman. Penerbit UKM
- Muda Mohd Noor, *Umno: Sokongan Pengundi Naik*, (26 Februari 2008)
- Nor Aziah Jaafar, Di Sebalik Percaturan BN Di Terengganu. *Rencana*. *Utusan Malaysia*. (23 Februari 2008) (m.s 11)
- Nor Aziah Jaafar, Kempen saat akhir selamatkan Terengganu. *Berita Harian*. (10/03/2008)
- Pertembungan Generasi Kedua Politik Terengganu. *Siasah*. (2-6 Mac 2008) (m.s 34)
- Rashila Ramli, (2003). , “The multiple roles of rural Malay women during the 1999 election: The case of FELDA J8” dalam Francis Loh Kok & Johan Saravananuttu *New politics in Malaysia* Singapore: ISEAS, 2003
- Rosli Zakaria, Emotions Run High As List Is Unveiled. *NST*. (21. Februari 2008) (m.s 8)

## **PROSIDING**

# *Seminar* **POLITIK MALAYSIA**

### **Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghafar, (2008). *Political Culture and Political Participation of the Electorates in Kuala Berang, Terengganu: A Post Electuion Survey*. Thesis Sarjana, Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Anatarabngsa

Zulkofli Jamaludin dan Hanneeyzah Bariah Baharin, BN Terengganu Optimis Tawan Kerusi Lawan. *Rencana. Berita Harian*. (20 Februari 2008) (m.s 11)

Zulkofli Jamaludin. Jentera BN Terengganu Mula Bangkit. *Berita Harian*. (5 Mac 2008) (m.s 13)

Zulkofli Jamaludin. Memastikan Terengganu Kekal BN. *Rencana. Berita Harian*. (17 Januari 2008) (m.s 11)